

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 22.10.2015 (KHAMIS)

TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap Koay Chiew San (No. Kad Pengenalan: 630801-07-5667) yang didakwa menjalankan skim jualan langsung yang bersasarkan golongan muda yang berumur sekitar 18 hingga 25 tahun dan berunsurkan penipuan wang dan seks dalam premis yang beralamat No. 13, Lintang Lembah Permai 1, Tanjung Bungah, 11200 Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Seksyen 4 (1) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid (AJLSAP) 1993 menyatakan bahawa, "*tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan jualan langsung melainkan jika ia suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan memegang lesen yang sah yang diberikan di bawah Seksyen 6 AJLSAP 1993*".

Sehubungan itu, individu tersebut boleh dikenakan tindakan selaras dengan Seksyen 4 (2) (b) AJLSAP 1993 memperuntukkan hukuman denda sebanyak **RM250,000.00** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **5 tahun** atau kedua-duanya untuk **kesalahan pertama**. Bagi kesalahan **kali kedua atau yang berikutnya**, individu tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi **RM500,000.00** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **10 tahun** atau kedua-duanya.

Menyentuh dakwaan mengenai individu yang bernama Koay Chiew San (No. Kad Pengenalan: 630801-07-5667), aduan telah diterima oleh KPDNKK Pulau Pinang pada 29 September 2015 terhadap premis beralamat No. 5, Persiaran Lembah Permai, Permai Village, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang yang dimiliki oleh individu tersebut. Hasil siasatan mendapati tiada kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dapat dikaitkan dengan En. Koay Chiew San. Beliau merupakan seorang ahli syarikat jualan langsung Amway (sebuah syarikat jualan langsung yang berlesen) yang sah berpangkat Platinum. Pelan Pemasaran Amway membolehkan ahlinya untuk merekrut dan mencari ahli (*downline*) kerana ianya merupakan sebuah syarikat *multilevel marketing*.

Berhubung dengan isu penipuan, wang dan seks, ianya bukan di bawah bidang kuasa Kementerian. Sehubungan itu, laporan polis (TG PIANDANG/001063/15 @ 11.09.2015 dan NIBONG TEBAL/009923/15 @ 14.09.2015) telah dibuat oleh kedua-dua pengadu berkaitan dengan isu tersebut.